© Association of Researcher of Skills and Vocational Training, Malaysia

ASIAN PENDIDIKAN
ISSN: 2735-2331, eISSN: 2805-4350

DOI: https: //doi.org/10.53797/aspen.v3i1.6.2023

Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Motivasi Pembelajaran Bahasa Mandarin

Yin, Eng Li[1*] & Abd Rahman, Harith[1]

[1]Kolej Vokasional Lebuh Cator, 30450 Ipoh, Perak, MALAYSIA

*Corresponding Author: joaan1989@gmail.com

Received 21 May 2023; Accepted 20 June 2023; Available online 20 June 2023

Abstrak: Motivasi pembelajaran pencetus kepada pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua. Pendekatan pengajaran konvensional yang mengutamakan penterjemahan kurang merangsang semangat pembelajaran pelajar. Manakala pendekatan pengajaran yang boleh membina suasana dan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dapat memotivasikan pembelajaran pelajar. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) terhadap motivasi pembelajaran bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di kolej vokasional. Reka bentuk kuasi eksperimen telah dijalankan terhadap 43 orang pelajar bahasa Mandarin, dengan 23 orang pelajar dalam kumpulan eksperimen dan 20 orang pelajar dalam kumpulan kawalan. Adaptasi model Stoller diaplikasikan dalam kumpulan eksperimen manakala kumpulan kawalan mengikuti pendekatan pengajaran konvensional iaitu Kaedah Tatabahasa Terjemah (GTM). Motivasi pembelajaran diuji dengan menggunakan soal selidik motivasi pembelajaran yang mengadaptasi soal selidik MSLQ. Ujian t sampel berpasangan dan ujian t sampel bebas digunakan untuk menganalisis data. Hasil dapatan menunjukkan terdapat perubahan yang signifikan dalam motivasi pembelajaran bagi kumpulan eksperimen manakala motivasi pembelajaran dalam kumpulan kawalan tidak menunjukkan perubahan yang signifikan. Hasil dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam perubahan motivasi pembelajaran antara kumpulan ekperimen dan kumpulan kawalan. Hasil dapatan ini menggalakkan guru mengaplikasikan PBP dalam sesi pengajaran untuk meningkatkan motivasi pembelajaran dan kemahiran komunikasi pelajar.

Kata kunci: Pembelajaran berasaskan projek, motivasi pembelajaran, bahasa mandarin, model stoller, MSLQ

Abstract: Learning motivation is a trigger to foreign language or second language learning. Traditional teaching approach which focuses on translation not enough to stimulate learners' learning passion. Whereas teaching approach which can build up the enjoyment learning environment and experience can motivate learners. Therefore, this study aims to investigate the effect of Project Based Learning (PjBL) on Mandarin learning motivation among non-native learners in vocational college. Quasi experiment design had been launched by involving 43 Mandarin learners, where 23 learners in experiment group and 20 learners in control group. Adaptation of Stoller model was applying in experiment group while control group following traditional teaching approach which is Grammar Translation Method (GTM). Learning motivation was tested by using the learning motivation questionnaire which adapted from Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ). Pair sample t test and independent sample t test were used to analyse the data. The results show that there were significant changes in learning motivation for experiment group while learning motivation for control group does not show significant changes. Besides, the result also shows that there was significant different in learning motivation between experiment group dan control group. These results encourage teachers to apply PjBL during teaching session to stimulate learners' learning motivation and communication skill.

Keywords: Project based learning, learning motivation, mandarinl, stoller model, MSLQ

1. Pengenalan

Bahasa Mandarin merupakan bahasa yang paling banyak digunakan di seluruh dunia. Terdapat sebanyak 1.31 billion penutur bahasa Mandarin bertaburan di 37 buah negara termasuk negara China yang menjadikan lebih kurang 16 peratus daripada populasi dunia (McCarthy, 2020). Tambahan pula negara China menjadi ahli dalam Pertubuhan Perdagangan

*Corresponding author: joaan1989@gmail.com
https://www.arsvot.org/All right reserved

Dunia pada tahun 2001 dan berjaya menganjur Sukan Olimpik pada tahun 2008 (Yang & Puakpong, 2016) telah menyebabkan bahasa Mandarin menjadi popular dan mendapat pengiktirafan dunia.

Memandangkan bahasa Mandarin merupakan salah satu bahasa yang semakin berpengaruh di peringkat global, maka bahasa Mandarin telah ditawarkan di kolej vokasional sejak tahun 2014 (Chiong & Fan, 2019). Hal ini seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) yang menekankan pelajar perlu menguasai satu bahasa asing selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dalam Kurikulum Standard Bahasa Mandarin Kolej Vokasional (2018) menyatakan selepas pembelajaran bahasa Mandarin, pelajar sepatutnya boleh berkomunikasi dalam bahasa Mandarin dengan menggunakan ayat mudah, sebutan yang tepat dan intonasi yang sesuai dalam situasi tertentu. Komunikasi di sini bermaksud pelajar dapat bertutur dalam bahasa Mandarin secara ringkas dengan sebutan yang boleh difahami untuk mencapai tujuan interaksi yang berkesan. Ini amat sesuai dengan situasi kepelbagaian kaum di Malaysia supaya rakyat dapat berkomunikasi dan lebih memahami budaya kaum lain dengan baik.

Namun menurut satu hasil tinjauan situasi pembelajaran bahasa Mandarin di beberapa buah kolej vokasional menyatakan bahawa pelajar masih rasa kurang yakin dan tidak berupaya untuk bertutur dalam bahasa Mandarin semasa berkomunikasi dengan kawan Cina (Eng, 2020). Situasi ini dijelaskan oleh Cheun (2006) bahawa pengaruh bahasa ibunda, kekurangan suasana bahasa dan kekurangan masa pembelajaran telah mempengaruhi penguasaan komunikasi bahasa Mandarin. Di samping itu, kekurangan peluang berkomunikasi dalam bahasa sasaran dalam kehidupan harian (Jeon, 2005, dipetik daripada Chua et al., 2018) juga menyebabkan pelajar tidak berupaya bertutur dalam bahasa Mandarin. Selain daripada itu, pendekatan pengajaran konvensional yang diamalkan iaitu Kaedah Tatabahasa Terjemah yang berpusatkan guru dan sikap pembelajaran pelajar yang agak pasif menyebabkan hasil pembelajaran tidak memuaskan (Samah et al., 2020; Chiong & Fan, 2019). Tambahan pula, pembelajaran bahasa Mandarin yang menekankan intonasi untuk mengenali sesuatu rangkai kata dan ayat telah meningkatkan kesusahan pembelajaran bahasa Mandarin dan mengurangkan motivasi pembelajaran pelajar (Wen et al., 2021).

Motivasi pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Ia mempengaruhi pembelajaran seseorang individu dan juga menentukan tahap penguasaan sesuatu bahasa yang dipelajari. Untuk meningkatkan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin, Ghee et al. (2012) dalam kajian mereka mencadangkan guru bahasa Mandarin perlu mengamalkan kaedah pengajaran yang sesuai dalam kelas supaya pelajar mendapat manfaat yang sepenuhnya dalam pembelajaran bahasa. Tambahan pula, kajian Chiong & Fan (2019) juga mencadangkan guru bahasa Mandarin kolej vokasional mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang boleh membina suasana dan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan untuk memotivasikan pembelajaran pelajar. Pembelajaran berasaskan projek (PBP) nampaknya dapat menambahbaik fenomena situasi pembelajaran dalam kelas bahasa Mandarin. Ini kerana PBP merupakan satu pendekatan yang dapat menyediakan pelajar peluang untuk menggunakan bahasa sasaran secara optimum ketika dalam proses menghasilkan tugasan projek.

Kebanyakan kajian PBP dijalankan dalam bidang bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Manakala kajian PBP dalam bidang bahasa Mandarin masih dalam peringkat permulaan (Li, 2014) dan masih tidak dikaji secara menyeluruh dalam bahasa Mandarin (Zhou, 2014). Tambahan pula, kajian PBP di Malysia masih baru terutama di peringkat pendidikan menengah (Rashid et al., 2020). Oleh itu, adalah perlu menjalankan kajian untuk meninjau kesan PBP terhadap motivasi pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan pelajar bukan penutur jati.

1.1 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan PBP terhadap motivasi pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan pelajar bukan penutur jati.

1.2 Persoalan Kajian

Terdapat tiga peroalan kajian berdasarkan objektif kajian, iaitu:

a. Adakah terdapat perbezaan perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi dalam kumpulan eksperimen (PBP)?
b. Adakah terdapat perbezaan perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi dalam kumpulan kawalan (GTM)?
c. Adakah terdapat perbezaan perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara kumpulan eksperimen (PBP) dan kumpulan kawalan (GTM)?

1.3 Hipotesis Kajian

Terdapat tiga hipotesis nul berdasarkan persoalan kajian, iaitu:

a. Ho1: Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi dalam kumpulan eksperimen (PBP).
b. Ho2: Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi dalam kumpulan kawalan (GTM).
c. Ho3: Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara kumpulan eksperimen (PBP) dan kumpulan kawalan (GTM).

2. Tinjauan Literatur

2.1 Motivasi Pembelajaran

Dörnyei (2009) menyatakan motivasi merupakan pencetus kepada pembelajaran bahasa kedua (B2) yang membimbing kepada pengekalan dalam jangka masa yang panjang ketika dalam proses pembelajaran yang membosankan. Penyataan ini juga disokong oleh Wong et al. (2018) yang meyatakan bahawa motivasi pembelajaran memainkan peranan penting dalam pemerolehan bahasa kedua. Keazaman untuk belajar sesuatu bahasa atau kemahiran bergantung kepada motivasi seseorang yang menyokong mereka untuk terus belajar bahasa sasaran (Chua & Azlan, 2019). Tambahan pula, proses pembelajaran yang berjaya bergantung kepada aspek motivasi pembelajaran pelajar (Asbulah et al., 2018; Shakfa & Kabilan, 2017). Justeru Tan et al. (2017) menyeru guru bahasa Mandarin membina suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif untuk membantu pelajar menangani kebosanan dalam pembelajaran harian kelas. Menerusi galakan guru dan situasi suasana pembelajaran yang seronok, dapat memotivasikan pembelajaran pelajar. Oleh itu, PBP yang berasaskan sosial konstruktivisme menekankan aktiviti pembelajaran secara aktif serta berpusatkan pelajar dapat membantu menyediakan suasana pembelajaran yang memotivasikan pelajar dalam pembelajaran.

2.2 Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) diperkenalkan dalam bidang pendidikan bahasa asing pada tahun 1980-an (Hedge, 1993). Menurut Zhou (2013), PBP merupakan kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar. Pelajar yang belajar dengan kaedah PBP perlu melaksanakan tugasan autentik yang mencabar, mengumpul serta menganalisis maklumat dan menghasilkan produk autentik yang berkualiti serta membentangkannya. PBP menyediakan suasana untuk menggunakan bahasa sasaran kepada pelajar. Handrianto dan Rahman (2018) menyatakan bahawa PBP merupakan pendekatan pengajaran kerana ia boleh digunakan oleh guru untuk menyampaikan silibus berdasarkan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Projek yang dilaksanakan adalah berdasarkan kurikulum pengajaran dengan tujuan membantu pelajar memahami kandungan pembelajaran dan memupuk kemampuan untuk berkomunikasi dengan bimbingan guru dan kerjasama pelajar (Niu, 2019). Projek yang dilakukan adalah berkaitan dengan kehidupan harian sebenar, merangsang pembelajaran secara koperatif dan mengutamakan autonomi pelajar (Kokotsaki et al., 2016; Stoller, 2006; Hedge, 1993). Melalui aktiviti PBP, pelajar berpeluang mengaplikasi pengetahuan bahasa yang dipelajari dalam situasi yang sebenar (Haines, 1989; dipetik daripada Pham, 2018). Adalah jelas bahawa PBP membawa kepada pembinaan pengetahuan melalui pengetahuan sebelumnya, pengalaman dan interaksi dengan persekitaran sosial (Sadrina, Ramlee, & Muhammad, 2018). Pembelajaran menerusi PBP boleh dikatakan menyediakan peluang input dan output bahasa yang banyak menerusi aktiviti PBP yang bermakna yang membawa kepada pembinaan kecekapan bahasa. Proses pembelajaran yang aktif ini dapat memotivasikan pembelajaran pelajar.

2.3 Implementasi PBP Terhadap Motivasi Pembelajaran Bahasa Asing

Kajian lepas menunjukkan bahawa PBP dapat meningkatkan motivasi pembelajaran bahasa asing. Contohnya dalam kajian Collier (2017) yang mangaplikasikan PBP dalam kelas bahasa Sepanyol menyatakan pelajar menunjukkan semangat yang tinggi ketika melaksanakan aktiviti PBP. Shin (2018) dalam kajiannya juga mendapati bahawa selepas mengikuti kelas PBP, keyakinan jangkaan keupayaan kendiri pelajar telah ditingkatkan. Begitu juga dalam kajian Riham (2017), pelajar lebih yakin untuk bertutur dalam bahasa Inggeris dan berasa seronok dengan aktiviti PBP.

Walaupun kajian PBP dalam bidang bahasa Mandarin sebagai bahasa asing masih dalam tahap permulaan, namun terdapat juga sedikit kajian yang menunjukkan hasil yang positif. Contohnya, Kajian Lui (2013) menunjukkan pelajar lebih menumpu perhatian ketika dalam kelas PBP. Kajian Zhao dan Beckett (2014) menyatakan walaupun pelajar menghadapi kesukaran ketika melaksanakan projek seperti penulisan karakter Cina dan kekurangan penguasaan rangkai kata, namun pelajar tidak berputus asa dan berazam untuk memperbaiki kelemahan mereka. Tambahan pula kajian Li (2014) membuktikan bahawa suasana pembelajaran yang mendekati kehidupan harian sebenar telah meningkatkan minat pelajar belajar bahasa Mandarin. Kajian Niu (2019) juga menjelaskan aktiviti projek PBP memberi pelajar peluang mengaplikasi bahasa yang dipelajari dan pelajar lebih sudi bertutur dalam bahasa Mandarin. Ini secara tidak langsung telah meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Walaupun PBP dapat meningkatkan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin pelajar, namun kajian-kajian lepas hanya melibatkan satu kumpulan sahaja. Keberkesanannya agak lemah dengan tiadanya kumpulan bandingan. Justeru, wujudnya jurang kajian dari segi metodologi untuk membandingkan keberkesanan sebenar PBP dengan pendekatan pengajaran tradisional.

Menerusi kajian lepas yang dibincang di atas, adalah jelas bahawa PBP dapat memotivasikan pelajar dalam pembelajaran bahasa asing seperti bahasa Sepanyol, bahasa Inggeris malah juga bahasa Mandarin. Namun, kajian PBP dalam bahasa asing di Malaysia masih kurang terutama dalam bahasa Mandarin sebagai bahasa asing. Oleh itu, kajian PBP terhadap motivasi pembelajaran bahasa Mandarin perlu diterokai untuk mempelbagaikan kajian dalam kontek bahasa Mandarin terutama di Malaysia.

3. Metodologi

3.1 Persampelan

Teknik persampelan kajian ini merupakan teknik persampelan mudah. Persampelan mudah merupakan teknik persampelan di mana seseorang penyelidik mengguna sampel yang sedia ada dan menyenangi dalam sesuatu kajian (Fraenkel et al., 2012). Sampel dalam kajian ini merupakan pelajar diploma tahun dua semester dua yang mengambil subjek bahasa Mandarin yang mengetahui sedikit asas bahasa Mandarin seperti memperkenalkan diri sendiri dan nombor. Mereka tidak pernah belajar bahasa Mandarin sebelum masuk kolej vokasional. Kajian ini melibatkan 43 orang pelajar bahasa Mandarin bukan penutur jati yang beretnik Melayu di sebuah kolej vokasional rintis negeri Kedah. Bilangan sampel kajian ini adalah sama dengan bilangan sampel yang berjaya menjawab kedua-dua ujian pra dan ujian pasca dalam kajian Reddy et al. (2021) yang juga menjalani kajian kuasi eksperimen.

Sampel kajian dibahagi kepada dua kelas iaitu 23 orang pelajar dalam kumpulan eksperimen dan 20 orang pelajar dalam kumpulan kawalan. Menurut McMillan dan Schumacher (2010) dan Creswell (2008), 15 orang merupakan saiz minimum sampel untuk satu kumpulan yang sesuai dalam penyelidikan kuantitatif jenis eksperimen. Sesetengah eksperimen hanya memerlukan lapan hingga sepuluh peserta kajian sahaja dengan syarat eksperimen tersebut mempunyai kawalan yang tinggi (McMillan & Schumacher 2010). Terdapat kajian lepas yang menggunakan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan tidak seimbang dengan saiz sampel kecil, iaitu bilangan sampel kurang daripada 30 orang dalam satu kumpulan (Bakar et al., 2019).

3.2 Instrumen

Instrumen kajian merupakan soal selidik motivasi pmbelajaran yang mengadaptasi bahagian motivasi soal selidik *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) (Pintrich et al., 1991). Soal selidik motivasi pembelajaran ini mempunyai 30 item yang terdiri daripada komponen motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, nilai tugasan, kawalan kepercayaan pembelajaran, keyakinan jangkaan keupayaan kendiri dan kebimbangan ujian. Tujuan soal selidik ini adalah untuk meninjau perbezaan motivasi pembelajaran pelajar sebelum dan selepas intervensi. Soal selidik motivasi pembelajaran ini mengguna Skala Likert 4-mata. Tujuan utama mengguna skala Likert 4-mata adalah untuk mengelakkan pelajar daripada berkecenderungan memilih skala tengah. Ujian t sampel berpasangan dan ujian t sampel bebas digunakan untuk menganalisis data soal selidik motivasi pembelajaran. Hasil komulatif setiap item soal selidik motivasi pembelajaran digunakan untuk tujuan analisis.

Soal selidik motivasi pembelajaran ini telah menjalani ujian kebolehpercayaan untuk melihat konsisten dalaman item instrumen. Konsisten dalaman set skala yang diguna dalam soal selidik motivasi pembelajaran ditentukan dengan melihat pada nilai Alpha Cronbach. Menurut Konting (1990), nilai Alpha Cronbach bagi sesuatu instrumen yang melebihi 0.60 adalah boleh digunakan. Nilai Alpha untuk soal selidik motivasi pembelajaran adalah 0.84 dengan bahagian motivasi intrinsik 0.62, motivasi ektrinsik 0.73, nilai tugasan 0.84, kawalan kepercayaan pembelajaran 0.70, kepercayaan jangkaan keupayaan kendiri 0.91 dan kebimbangan ujian 0.75. Nilai Alpha bagi kesemua item adalah melebihi 0.60, maka item intrumen adalah konsisten dan sesuai digunakan. Jadual 1 menunjukkan nilai Alpha Cronbach untuk soal selidik motivasi pembelajaran.

Jadual 1. Keputusan Pekali Alpha Cronbach Soal Selidik Motivasi Pembelajaran.

Perkara	Pekali Cronbach's Alpha
Soal Selidik Motivasi Pembelajaran	0.84
Bahagian Motivasi Intrinsik	0.62
Bahagian Motivasi Ektrinsik	0.73
Bahagian Nilai Tugasan	0.84
Bahagian Kawalan Kepercayaan Pembelajaran	0.70
Bahagian Kepercayaan Jangkaan Keupyaan Kendiri	0.91
Bahagian Kebimbangan Ujian	0.75

3.3 Prosedur


Kedua-dua kumpulan mengisi soal selidik motivasi pembelajaran pada minggu pertama untuk mengetahui tahap motivasi pembelajaran pelajar sebelum permulaan kelas. Kemudian pelajar dalam kedua-dua kumpulan mengikut pembelajaran masing-masing dengan pendekatan yang berbeza selama lapan minggu. Selepas itu, pelajar mengisi soal selidik motivasi pembelajaran sekali lagi pada minggu ke sepuluh untuk mengetahui perubahan motivasi pembelajaran pelajar.

Kumpulan eksperimen mengikuti proses pengajaran menggunakan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP). Pendekatan ini mengadaptasi model Stoller (1997) yang merangkumi lapan langkah utama. Pertama, pelajar dan guru bersetuju untuk memilih satu tema projek. Seterusnya, mereka bersama-sama menentukan hasil akhir yang ingin dicapai daripada projek tersebut. Setelah itu, pelajar dan guru menstrukturkan projek secara terperinci. Guru kemudian menyediakan keperluan bahasa yang diperlukan oleh pelajar bagi menyokong pelaksanaan projek. Pelajar akan

mengumpulkan maklumat yang relevan sebagai persediaan sebelum membentangkan hasil projek mereka. Selepas itu, pelajar membuat persediaan untuk pembentangan dan seterusnya membentangkan hasil akhir projek mereka. Akhir sekali, pelajar dan guru akan bersama-sama menilai produk atau hasil akhir projek yang telah dibentangkan.

Adaptasi Model Stoller (2006) digunakan kerana ia menyediakan peluang pembelajaran bahasa keperluan ketika pelaksanaan projek. Menurut Eng dan Khor (2021), pembelajaran bahasa Mandarin di peringkat pendidikan menengah hanya melibatkan tahap permulaan. Disebabkan melibatkan pelajar tahap permulaan dan penguasaan bahasa Mandarin pelajar masih tidak cekap, maka pendedahan bahasa keperluan sebelum mengendali sesuatu projek adalah sangat diperlukan. Ia juga dapat membantu pelajar memahami konsep pembelajaran sesuatu subjek (Ong et al., 2017).

Kumpulan kawalan mengikuti proses pengajaran konvensional iaitu pendekatan GTM kerana GTM merupakan pendekatan pengajaran yang biasa digunakan oleh guru bahasa Mandarin di kolej vokasional yang terlibat dalam kajian ini. Proses Kaedah Tatabahasa Terjemah (GTM) adalah bermula dengan guru menjelaskan rangkai kata baharu dalam bahasa Melayu. Kemudian, pelajar menterjemah ayat dalam kandungan topik kepada bahasa Melayu berdasarkan rangkai kata yang dipelajari dan guru menjelaskan struktur ayat. Selepas itu, guru menjelaskan kandungan topik dalam bahasa Melayu. Akhirnya, pelajar melakukan aktiviti penterjemahan ayat secara lisan daripada bahasa Mandarin kepada bahasa Melayu atau sebaliknya berdasarkan ayat yang ditentukan oleh guru. Guru memperbetulkan kesilapan pelajar. Rajah 1 menunjukkan proses pendekatan Kaedah Tatabahasa Terjemah (GTM).



Rajah 1. Proses pendekatan kaedah tatabahasa terjemah (GTM)

4. Hasil Dapatan

Hasil dapatan kajian ini membandingkan perbezaan nilai min perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi dalam kedua-dua kumpulan dengan menggunakan ujian t sampel berpasangan. Di samping itu, perbandingan perbezaan nilai min perubahan motivasi pembelajaran antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan juga dilakukan terhadap soal selidik semasa tinjauan pasca intervensi dengan menggunakan ujian t sampel bebas. Oleh itu, terdapat tiga hipotesis nul berdasarkan persoalan kajian.

Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi dalam kumpulan eksperimen (PBP)

Hasil analisis seperti dalam Jadual 2 menunjukkan nilai min motivasi pembelajaran dalam tinjauan pasca intervensi (M=94.17, SP=9.00) lebih tinggi daripada nilai min motivasi pembelajaran dalam tinjauan pra intervensi (M=89.17, SP=7.28). Perbezaan nilai min sebanyak 5.00. Motivasi pembelajaran dalam kumpulan eksperimen menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan. Jadual 3 menunjukkan terdapat perbezaan signifikan untuk motivasi pembelajaran antara tinjauan pasca intervensi dan tinjauan pra intervensi, iaitu $t(22) = 2.43$, $p = .02 < .05$. Ini bermakna pelajar dalam kumpulan eksperimen mengalami perubahan motivasi pembelajaran secara statistik dan hipotesis nul pertama ditolak.

Hasil analisis seperti dalam Jadual 4 menunjukkan nilai min motivasi pembelajaran dalam tinjauan pasca intervensi (M=88.05, SP=9.42) tinggi sedikit daripada nilai min motivasi pembelajaran dalam tinjauan pra intervensi (M=87.15, SP=11.36). Perbezaan nilai min hanya sebanyak 0.90. Motivasi pembelajaran dalam kumpulan kawalan hanya menunjukkan sedikit prningkatan sahaja. Jadual 5 menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan untuk motivasi pembelajaran antara tinjauan pasca intervensi dan tinjauan pra intervensi, iaitu $t(19) = 0.25$, $p = .80 > .05$. Ini bermakna pelajar dalam kumpulan kawalan tidak mengalami perubahan motivasi pembelajaran secara statistik dan hipotesis nul kedua diterima.

Jadual 2. Analisis diskriptif untuk motivasi pembelajaran antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi bagi kumpulan eksperimen (PBP)

	Kumpulan Eksperimen (PBP) (n=23)			
	Tinjauan Pra Intervensi		Tinjauan Pasca Intervensi	
	M	SP	M	SP
Motivasi pembelajaran	89.17	7.28	94.17	9.00

Jadual 3. Statistik inferensi motivasi pembelajaran antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi bagi kumpulan eksperimen (PBP)

		Perbezaan Pasangan							
				Std. Error	95% Cl				Sig. (2-tailed)
		M	SP	Mean	Bawah	Atas	t	df	
Pasangan 1	Motivasi Pembelajaran Pra-Motivasi Pembelajaran Pasca	-5.00	9.88	2.06	-9.27	-7.29	-2.43	22	.02

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan signifikan dalam perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi dalam kumpulan kawalan (GTM)

Jadual 4. Analisis diskriptif untuk motivasi pembelajaran antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi bagi kumpulan kawalan (GTM)

	Kumpulan Kawalan (GTM) (n=20)			
	Tinjauan Pra Intervensi		Tinjauan Pasca Intervensi	
	M	SP	M	SP
Motivasi pembelajaran	87.15	11.36	88.05	9.42

Jadual 5. Statistik inferensi motivasi pembelajaran antara tinjauan pra intervensi dan tinjauan pasca intervensi bagi kumpulan kawalan (GTM)

		Perbezaan Pasangan							
				Std. Error	95% Cl				Sig. (2-tailed)
		M	SP	Mean	Bawah	Atas	t	df	
Pasangan 1	Motivasi Pembelajaran Pra-Motivasi Pembelajaran Pasca	-0.90	16.03	3.58	-8.40	6.66	-.25	19	.80

Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap perubahan motivasi pembelajaran bahasa Mandarin oleh pelajar bukan penutur jati antara kumpulan eksperimen (PBP) dan kumpulan kawalan (GTM).

Hasil analisis seperti dalam Jadual 6 menunjukkan nilai min tinjauan pasca intervensi motivasi pembelajaran kumpulan eksperimen (M = 94.17, SP = 9.01) lebih tinggi daripada nilai min tinjauan pasca intervensi motivasi pembelajaran kumpulan kawalan (M = 88.05, SP = 9.42). Perbezaan nilai min antara kedua-dua kumpulan adalah sebanyak 6.12. Jadual 7 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik, $t(41) = 2.18$, $p = 0.04$, di mana nilai sig. $p < 0.05$. Ini bermakna, motivasi pembelajaran kumpulan eksperimen mencapai nilai min yang lebih tinggi secara statistik berbanding dengan kumpulan kawalan, maka hipotesis nul ketiga ditolak.

Jadual 6. Analisis diskriptif bagi tinjauan pasca intervensi motivasi pembelajaran antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

	Kumpulan eksperimen (n=23)		Kumpulan kawalan (n=20)	
	M	SP	M	SP
Jumlah Komulatif	94.17	9.01	88.05	9.42

Jadual 7. Statistik inferensi bagi tinjauan pasca intervensi motivasi pembelajaran antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means		
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)
Jumlah Komulatif	Equal variances assumed	0.01	0.94	2.18	41	0.04
	Equal variances not assumed			2.17	39.61	0.04

5. Perbincangan

Hasil dapatan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan terhadap perubahan motivasi pembelajaran bagi kumpulan eksperimen manakala motivasi pembelajaran dalam kumpulan kawalan tidak menunjukkan perubahan yang signifikan. Hasil dapatan juga menunjukkan motivasi pembelajaran kumpulan eksperimen lebih tinggi daripada kumpulan kawalan.

Hasil dapatan kajian ini boleh dijelaskan dengan kajian Munawaroh (2019) yang menyatakan PBP berupaya membimbing pelajar melibatkan diri dalam aktivti secara aktif dan dalam suasana yang menyeronokkan. Pelajar perlu saling bekerjasama berbincang dan berlatih mengenai projek yang dilaksanakan. Selain itu, projek yang dihasilkan adalah berkaitan dengan kehidupan harian sebenar, seperti memesan makanan dan minuman di restoran. Pelajar lebih berminat menyertai aktiviti projek yang berkaitan dengan pengalaman pelajar, kehidupan pelajar dan kehidupan sebenar (Shin, 2018; Kwietniewski, 2017; Liu, 2016). Tambahan pula, penilaian, galakan dan pujian guru yang sebagai ganjaran juga merangsang pelajar terlibat dalam pembelajaran bahasa (Liu, 2016). Di samping itu, pendedahan keperluan bahasa terlebih dahulu sebelum melaksanakan projek dapat meyakinkan pelajar untuk mengendali projek (Zhao & Becket, 2014). Pelajar terlibat dalam aktiviti mengenali rangkai kata dan ayat mengenai sesuatu topik baharu sebelum menghasilkan projek, seperti aktiviti sebut dan aksi, aktiviti sebutan dan sebagainya. Ini secara tidak langsung membantu pelajar memahami dan mengingati ayat-ayat yang dipelajari. Kajian Esmail dan Tayebe (2017) menjelaskan bahawa perbincangan dengan rakan dalam kerja kumpulan dapat mengurangkan kebimbangan pelajar dalam pembelajaran bahasa. Pelajar lebih senang hati untuk belajar dan menyebut sesuatu bahasa dengan sokongan dan bimbingan rakan sebaya. Ini secara tidak langsung telah memotivasikan pembelajaran bahasa Mandarin pelajar bukan penutur jati yang bertahap permulaan. Ini adalah selari dengan Teori Sosial Konstruktivisme yang menyatakan pembelajaran menerusi rakan sebaya yang lebih arif dapat meningkatkan pengetahuan seseorang pelajar.

Motivasi pembelajaran yang agak kurang bagi kumpulan kawalan boleh dijelaskan dengan kajian Lui (2013) yang menyatakan pembelajaran bahasa mandarin secara konvensional adalah sangat membosankan dan pelajar tidak tahu mengguna pengetahuan bahasa yang dipelajari dalam kehidupan harian. Pelajar dalam kumpulan GTM hanya belajar rangkai kata dan ayat secara penterjemahan. Guru menjelaskan kandungan pembelajaran dalam bahasa ibunda pelajar. Suasana pembelajaran hanya berbentuk satu hala antara guru dan pelajar dan pelajar tidak didedahkan kepada situasi sebenar dalam penggunaan bahasa Mandarin.

PBP merangsang pelajar belajar secara aktif dalam suasana yang menyeronokkan dan melakukan aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan harian dengan mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang dipelajari. Tambahan pula, kerja secara koperatif dalam kumpulan bukan sahaja menyakinkan malah telah memotivasikan pelajar dalam pembelajaran bahasa Mandarin.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) dapat memotivasikan pelajar bukan penutur jati dalam pembelajaran bahasa Mandarin di kolej vokasional dan sesuai dengan pelajar tahap permulaan. Projek yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan topik pembelajaran pelajar. Kajian telah menjelaskan bahawa dengan bimbingan guru, pelajar dapat mengaplikasi rangkai kata dan ayat yang dipelajari dalam projek yang berkaitan dengan kehidupan harian dengan yakin. PBP bukan sahaja memberi peluang input bahasa malah juga membimbing kepada penggunaan bahasa atau output bahasa yang banyak. Oleh itu, guru adalah digalakkan untuk mengadaptasi PBP semasa pengajaran bahasa Mandarin. Ini bukan sahaja dapat memotivasikan pembelajaran pelajar, malah kemahiran komunikasi pelajar juga dapat dipertingkatkan.

Pengakuan

Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas tajaan biasiswa untuk melanjutkan pengajian sarjana pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Terima kasih juga kepada IAM 2022 kerana memberi peluang saya menyertai konferens.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

Asbulah, L. H., Lubis, M. A., Aladdin, A., & Sahrim, M. (2018). Tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan graduan universiti awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, *33*, 75-93.

Bakar, N. I. A., Noordin, N., & Razali, A. B. (2019). Improving Oral Communicative Competence in English Using Project-Based Learning Activities. *English Language Teaching*, *12*(4), 73-84.

Cheun, H.H. (2006). *Problems encountered in teaching Chinese as a second language in Malaysia*. Malaysia: New Era College.

Chiong, H. A., & Fan, P. S. (2019). A study of current situation and problems of teaching Mandarin in Malaysian. *Jurnal of Han Jiang,(1)*, *223*, 246. https://doi.org/10.37134/ejoss.vol8.1.7.2022

Chua, H. W., & Azlan, M. A. K. (2019). Factors influencing foreign language learners' motivation in continuing to learn Mandarin. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, *5*(1), 1-6.

Chua, H. W., Lin, C. Y., & Azlan, M. A. K. (2018). The Influence of Task-Based Language Teaching and Audio-Lingual Teaching Approach on Mandarin Language Learning Outcomes. PUPIL: International Journal of Teaching, Education and Learning. 2 (3), 123-141.

Creswell, J. W. (2008). *Research design: Qualitative, quantitative & mixed methods approaches* (3rd ed). SAGE Publications.

Collier, L. D. (2017). *Using a project-based language learning approach in the high school spanish classroom: Perceived challenges and benefits*. Master dissertation, Brigham Young University.

Dörnyei, Z. (2009). The L2 motivational self system. *Motivation, language identity and the L2 self*, *36*(3), 9-11.

Eng, L. Y., & Khor, T. H. (2021). Project based learning in teaching mandarin as foreign language: Theory to practice. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 542-551.

Eng, L.Y. (2020). A concept paper: The effectiveness of project based learning on speaking skill among non-native Mandarin learners in vocational college Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(7), 638-646. https://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v10-i7/7544

Esmail, Z. B., & Tayebe, S. (2017). The effect of project based learning (pbl) on the components of speaking ability of Iranian EFL beginner learners. *Journal of Applied Linguistics and Language Research*, 4, 119-130.

Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research in eduation* (Eight Edition). McGraw-Hill.

Ghee, K. I., Kee, O. A., & Ismail, H. N. (2012). The Orientation for Learning Mandarin amongst Malay Undergraduate Student. *International Journal of Humanities and Social Science*, *2*(12), 104-112.

Handrianto, C., & Rahman, M. A. (2018). Project based learning: A review of literature on its outcomes and implementation issues. *LET: Linguistics, Literature and English Teaching Journal*, 8(2), 110-129.

Hedge, T. (1993). Key concepts in EFL: Project work. *ELT Journal*, 47(3), 275-277.

Kokotsaki, D., Menzies, V., & Wiggins, A. (2016). Project-based learning: A Review of the literature. *Improving Schools*, 19 (3), 267-277.

Konting, M. M. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kwietniewski, K. (2017). *Literature review of project-based learning*. Master dissertation, State University of New York College.

Liu, Y. (2016, May). Project-based Learning. An Effective Way to Stimulate College Students' English Learning Motivation. In *2nd International Conference on Arts, Design and Contemporary Education* (pp. 967-970). Atlantis Press.

Li, X. (2014). *Project based lerning ini teaching Mandarin as foreign language* (对外汉语教学中的项目式教学法探索). Master dissertation, University of Nanjing Education.

Lui, X. X. (2013*). A course design of intermediate spoken Chinese with project teaching method*. Master dissertation, University of Jilin China.

McCarthy, N. (2020, Disember 11). Languages: The world's most spoken languages. Retrieve January 3, 2021 from https://www.statista.com/chart/12868/the-worlds-most-spoken-languages/

McMillan, J. H., & Schumacher, S. (2010). *Research in education: Evidence based inquiry* (7th ed). New Jersey: Pearson Education Incorporated.

Munawaroh, S. (2019). Effectiveness Project Based Learning in Teaching Speaking with Learner Motivation. *Language-Edu*, *8*(2).

Niu, H. Y. (2019). The teacher design of elementary Chinese comprehensive course for Thailand based on project based learning–Taking animal as an example. *Anyang Normal University*.

Ong, E. T., Safiee, N., Mat Jusoh, Z., Md Salleh, S., & Mohamed Noor, A. M. (2017). Stem education through project-based inquiry learning: An exploratory study on its impact among year 1 primary students. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 7(2), 44-51.

Pham, D. T. (2018). Project based learning: From theory to EFL classroom practice. *Proceedings of the 6th International Open TESOL Conference,* 327-339.

Pintrich, P. R., Smith, D. A. F., García, T., & McKeachie, W. J. (1991). *Motivated strategies for learning questionnaire (MSLQ)*. The Regents of The University of Michigan.

Rashid, W. H. W., Kob, C. G. C., & Abdullah, A. S. (2020). Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Motivasi Intrinsik dalam Subjek Projek Tahun Akhir 1 (PTA1) di Kolej Vokasional Slim River. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, *5*(34), 197-211.

Reddy, A. J., Khera, M. K., McLaughlin, J., & Szabo, C. Z. (2021). The role of motivation in incidental vocabulary learning through academic videos. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 36(1), 135–153.

Riham, I. (2017). *The effectiveness of project-based learning on students' achievement and motivation towards English in an EFL environment*. Master dissertation, Hebron University, Palestine.

Sadrina, Ramlee, M., & Muhammad, I. (2018). The evaluation of project-based learning in Malaysia: Propose a new framework for polytechnics system. *Jurnal Pendidikan Vokasi,* 8(2), 143-150.

Samah, R., Isahak, A., & Ahmad, W. A. W. (2020). Amalan Guru Cemerlang dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa dan Sastera Arab Mengikut Strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*.

Shakfa, M. D., & Kabilan, M. K. (2017). The role of motivation in enhancing the Palestinian students' English language learning. *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 2(1), 1-16.

Shin, M. H. (2018). Effects of project-based learning on students' motivation and self-efficacy. *English Teaching*, 73, 95-114.

Stoller, F. (2006). Establishing a theoretical foundation for project-based learning in second and foreign language contexts. *Project-based second and foreign language education: Past, present, and future*, 19-40.

Tan, T. G., Lim, T. H., & Hoe, F. T. (2017). Analysing the relationship between L2 motivational self system and achievement in Mandarin. *International Academic Research Journal of Social Science*, *3*(1), 104-108.

Wen, C. H., Ying, L. C., Huat, A. T., Azlan, M. A. B. K., Shy, F. P., & Baoshun, S. (2021). The Effects of Task-Based Language Teaching and Audio-Lingual Teaching Approach in Mandarin Learning Motivation. *International Journal of Language Education*, *5*(4), 396-408.

Wong, K. T., Hwang, G. J., Choo Goh, P. S., & Mohd Arrif, S. K. (2020). Effects of blended learning pedagogical practices on students' motivation and autonomy for the teaching of short stories in upper secondary English. *Interactive Learning Environments*, *28*(4), 512-525.

Yang, D., & Puakpong, N. (2016). Effects of project-based learning on speaking abilities of Non-English major Chinese students. *Proceedings of CLaSIC*, 410-427.

Zhao, J., & Becket, G.H. (2014). Project based Chinese as a foreign language instruction – A teacher research approach. *Journal of the Chinese Language Teachers Association*, 49(2), 45-74.

Zhou, Y. (2013). The implication of project based learning on teaching Mandarin as foreign language (项目式教学法给对外汉语教学的启示). *Modern Chinese*, 84-87.